

# **GARIS PANDUAN PENGANJURAN DAN SYARAHAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK**

## **1. PENDAHULUAN**

1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada Pegawai Tadbir Agama ketika mempertimbangkan permohonan penganjuran dan penyampaian syarahan agama Islam di masjid dan surau yang berdaftar dalam negeri Perak Darul Ridzuan.

1.2 Dalam mempertimbangkan sesuatu permohonan penganjuran dan penyampaian syarahan agama dalam daerah pentadbirannya, Pegawai Tadbir Agama hendaklah mendapatkan pandangan daripada Jawatankuasa Pengawasan Daerah terlebih dahulu.

## **2. TAFSIRAN**

Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

|                                  |                                                                                                        |
|----------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| “borang S I”                     | ertinya borang yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Pengawasan Pengajaran dan Syarahan Agama 2013 |
| “borang S II”                    | ertinya borang yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Pengawasan Pengajaran dan Syarahan Agama 2013 |
| “Jawatankuasa Pengawasan Daerah” | ertinya Jawatankuasa Pengawasan Syarahan Agama Islam Daerah                                            |
| “masjid”                         | ertinya masjid yang ditafsirkan menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 termasuklah surau |
| “Pegawai Tadbir Agama”           | ertinya mana-mana Pegawai Hal Ehwal Islam yang dilantik bagi daerah-daerah di Negeri Perak             |
| “syarahan agama”                 | termasuk ceramah, seminar, diskusi, forum, bengkel, simposium, kursus dengan apa jua cara penyampaian  |

### **3. PUNCA KUASA**

Garis panduan ini dikeluarkan oleh Mufti menurut subperaturan 11(3) dan 17(4) Peraturan-Peraturan Pengawasan Pengajaran Dan Syarahan Agama 2013.

### **4. PEMAKAIAN**

Garis Panduan ini terpakai kepada penganjur serta penceramah yang tidak memiliki Tauliah Mengajar Agama Negeri Perak tetapi berhasrat menyampaikan syarahan agama di masjid dan surau yang berdaftar di negeri Perak.

### **5. PENUBUHAN JAWATANKUASA PENGAWASAN SYARAHAN AGAMA ISLAM DAERAH**

5.1 Suatu Jawatankuasa Pengawasan Syarahan Agama Islam Daerah ditubuhkan bagi mengawasi dan mengawal selia aktiviti-aktiviti syarahan agama Islam yang dianjurkan di masjid dan surau yang berdaftar dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.

5.2 Jawatankuasa Pengawasan Daerah hendaklah terdiri daripada –

5.2.1 Orang Besar Jajahan, sebagai pengerusi;

5.2.2 Pegawai Daerah atau wakil; dan

5.2.3 Ketua Polis Daerah atau wakil.

5.3 Jawatankuasa Pengawasan Daerah hendaklah diurusetikan oleh seorang yang dinamakan oleh Pegawai Tadbir Agama yang berkenaan.

### **6. FUNGSI JAWATANKUASA PENGAWASAN DAERAH**

6.1 Jawatankuasa Pengawasan Daerah hendaklah memberi pandangan kepada Pegawai Tadbir Agama bagi mempertimbangkan permohonan:

6.1.1 Penganjuran syarahan agama; dan

6.1.2 Penyampaian syarahan agama.

6.2 Jawatankuasa Pengawasan Daerah boleh menentukan tatacara perjalanan mesyuaratnya.

## 7. PELAKSANAAN

Garis Panduan ini hendaklah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pengawasan Daerah dengan memberi pandangan kepada Pegawai Tadbir Agama berhubung permohonan penganjuran dan penyampaian syarahan agama di masjid dan surau yang berdaftar dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.

## 8. KEBENARAN MENGANJUR DAN MENYAMPAIKAN SYARAHAN AGAMA

8.1 Penceramah dan penganjur hendaklah mengisi borang **S I** yang boleh dimuat turun dari laman web Jabatan Mufti Negeri Perak dan menghantar permohonan tersebut kepada Pejabat Agama Islam Daerah yang berkenaan **tidak kurang daripada empat belas (14) hari** sebelum tarikh syarahan agama itu berlangsung.

8.2 Pegawai Tadbir Agama boleh mendapatkan maklumat tambahan daripada penceramah atau penganjur berhubung penganjuran atau penyampaian syarahan agama, sekiranya perlu.

8.3 Dalam mempertimbangkan permohonan penganjuran atau penyampaian syarahan agama, Pegawai Tadbir Agama hendaklah mendapatkan pandangan termasuk apa-apa syor oleh Jawatankuasa Pengawasan Daerah.

8.4 Sekiranya Jawatankuasa Pengawasan Daerah mendapati terdapat keraguan dalam sesuatu permohonan penganjuran atau penyampaian syarahan agama, Jawatankuasa Pengawasan Daerah hendaklah menasihati Pegawai Tadbir Agama berkenaan keraguan tersebut. Pegawai Tadbir Agama hendaklah merujuk kepada Mufti untuk arahan.

8.5 Sekiranya permohonan penganjuran dan penyampaian syarahan agama diluluskan, Pegawai Tadbir Agama hendaklah mengeluarkan kebenaran kepada pemohon melalui Borang **S II**.

8.6 Penganjuran dan penyampaian syarahan agama hanya boleh dilaksanakan setelah mendapat kebenaran Pegawai Tadbir Agama melalui Borang **S II**.

8.7 Sekiranya permohonan penganjuran dan penyampaian syarahan agama tidak diluluskan, Pegawai Tadbir Agama hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada pemohon.

8.8 Sebarang bentuk pemalsuan maklumat yang dinyatakan dalam borang **S I** atau pelanggaran syarat yang ditetapkan boleh menyebabkan kebenaran penganjuran dan penyampaian syarahan agama dibatalkan.

## 9. LARANGAN PENGANJURAN DAN PENYAMPAIAN SYARAHAN AGAMA

Dalam mempertimbangkan permohonan penganjuran atau penyampaian syarahan agama, Pegawai Tadbir Agama hendaklah memastikan **tiada kebenaran** diberikan kepada:

- i. Individu yang telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara (Parlimen Malaysia) atau Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri mana-mana negeri;
- ii. Individu yang memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;
- iii. Individu yang bertanding mewakili mana-mana parti politik dalam pilihanraya umum dan pilihanraya kecil yang terakhir; dan
- iv. Individu yang telah bersara sebagai Ahli Dewan Negara (Parlimen Malaysia) atau Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri mana-mana negeri dan didapati aktif dalam mana-mana parti politik.

## 10. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini mula berkuat kuasa pada tarikh 11 Mac 2024 bersamaan 30 Syaaban 1445



**(SS. DATO' SERI HAJI WAN ZAHIDI BIN WAN TEH)**

Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam  
Negeri Perak Darul Ridzuan

Tarikh : **11 MAC 2024**